

28 JUN 2002
Lim-Pemimpin/I
AH LEK SEDIA LEPAS JAWATAN

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek hari ini berkata beliau sedia melepaskan semua jawatan parti, mengikuti langkah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan syarat kepimpinan utama MCA merangka pelan pengganti kepimpinan yang komprehensif.

"Saya akan menarik diri, lepaskan kedudukan dalam MCA jika ada pelan pengganti yang sesuai oleh kepimpinan dan ia adalah untuk kepentingan terbaik parti, memadangkan hanya dengan demikian pemimpin muda akan mendapat pengalaman untuk menjadi pemimpin yang baik pada masa depan," katanya.

Katanya Dr Mahathir telah mencadangkan pelan peralihan yang kondusif untuk Umno dan kerajaan, MCA perlu mengemukakan pelan bagi memastikan peralihan kepimpinan yang lancar pada masa depan.

"MCA mempunyai barisan pemimpin kedua yang baik untuk mengambil alih daripada pemimpin sedia ada. Andai saya presiden MCA, saya lebih awal akan membenarkan pemimpin muda mengambil alih kerana ia memberi kebaikan kepada parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan ke-39 Pergerakan Pemuda MCA di Wisma MCA di sini.

Lim berkata beliau sedia melepaskan jawatannya dalam parti tetapi pemimpin kanan lain juga wajar menunjukkan sikap yang baik, kerana MCA dimiliki lebih sejuta anggota dan bukan satu atau dua orang anggota.

Ditanya siapa calon tepat untuk mengambil alih kepimpinan sekarang, Lim berkata semua anggota jawatankuasa pusat parti (CC) layak untuk mengisi jawatan, jika dikosongkan.

"Semua anggota CC layak mengambil alih kedudukan kami memandangkan mereka dilantik oleh perwakilan. Kita sebagai pemimpin, mesti cukup berani untuk melepaskan kedudukan demi parti dan masyarakat," katanya.

Lim berkata beliau sudah berkhidmat untuk parti dan rakyat selama lebih 25 tahun dan tempoh itu cukup lama untuk mana-mana pemimpin untuk memegang kuasa.

Ditanya sama ada MCA, anggota gabungan kedua terbesar dalam Barisan Nasional, akan menyediakan pelan pengganti itu, beliau berkata ia bukan sekadar mengemukakan pelan malah ia membabitkan latihan kepada ahli politik muda untuk berhadapan dengan cabaran politik pada masa depan.

"Kita perlu mengasuh pemimpin muda supaya tidak ada ruang kosong apabila pemimpin lama melepaskan jawatan. Orang yang tepat mesti dilantik," katanya.

Lim berkata semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) wajar mencontohi tindakan Dr Mahathir memandangkan Perdana Menteri menyatakan hasratnya untuk melepaskan jawatan semasa berada dikemuncak kerjayanya.

"Seperti PM yang berada dikemuncak, beliau memutuskan untuk melepaskan pentadbiran kepada TPM (timbangan perdana menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan ini merupakan contoh baik untuk diikuti semula parti komponen BN.

"Ini sihat kerana ia tidak menyebabkan perebutan jawatan kelak. Kita wajar memikirkan contoh ini demi kepentingan parti. Kita wajar melakukannya," katanya.

Lim yang tidak menamakan mana-mana pemimpin MCA berkata parti itu mempunyai pemimpin yang mampu mengambil alih kepimpinan jika "sesuatu berlaku kepada kami".

Ditanya sama ada MCA akan merangka pelan itu, beliau berkata: "Terpulang kepada presiden. Andai saya president, saya akan lakukan,

malangnya saya bukan (presiden)."

-- BERNAMA

SR AHH LAT